

## **Sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat Terhadap Amalan Pelaburan: Kajian Kes Program Seminar 360 Hari 1 Malaysia**

### **CSR Contribution towards Investment Practices: Case Study on 360 days 1 Malaysia Seminar Program**

Nadia Mohd Zakie  
Sarmila Md Sum

Program Sains Pembangunan  
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi Selangor.

Correspondence: Nadiah Binti Mohd Zakie (nadyaazakie94@gmail.com)

#### **ABSTRAK**

*Amalan menabung adalah penting bagi membantu perkembangan ekonomi masyarakat juga dapat meningkatkan kadar tabungan negara. Kesedaran berkaitan kepentingan pelaburan di kalangan masyarakat Malaysia telah wujud tetapi tahapnya masih rendah. Justeru itu kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauh mana program tanggungjawab sosial syarikat (CSR) dapat membantu menangani isu ini. Program Seminar 360 Hari 1 Malaysia anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kuala Lumpur dipilih bagi mencapai tujuan ini. Elemen-elemen tahap pengetahuan, kesedaran, kefahaman, ketersampaian maklumat dan sikap berkaitan pelaburan yang seterusnya mempengaruhi keputusan pelaburan peserta program akan dikaji. Seramai 75 orang peserta yang menyertai program ini telah dipilih sebagai responden. Hasil kajian menunjukkan tahap kesedaran pelaburan adalah tinggi, diikuti tahap kefahaman pelaburan, tahap pengetahuan pelaburan dan tahap ketersampaian maklumat berkaitan pelaburan. Namun sikap terhadap pelaburan bagi peserta masih berada pada tahap sederhana. Hasil analisa kajian mendapati Program Seminar 360 hari berpotensi membantu peserta membuat keputusan dalam pelaburan. Program CSR yang menekankan kepada pendidikan dan pelaburan ini cenderung untuk menarik minat pengguna melibatkan diri dalam aktiviti pelaburan serta menjadi pemangkin untuk merealisasikan potensi peningkatan pelaburan di Malaysia.*

*Kata Kunci:* *Tanggungjawab Sosial Korporat, Pendidikan Pelaburan, Kefahaman, Kesedaran, Sikap Pelaburan*

#### **ABSTRACT**

*The practice of saving money is important to help the economic development of the community and also increase the rate of national savings. Awareness on the importance of investments among Malaysian society has existed but the level is still low. Therefore, this study aims to identify how corporate social responsibility program (CSR) can help address this issue A 360 Days 1 Malaysia Seminar Program organized by the Perbadanan National Berhad (PNB), Kuala Lumpur was chosen to achieve this goal. Elements on the level of knowledge, awareness, understanding, accessibility of information and attitude towards investments which in turn affect the investment decisions by program participants will be studied. A total of 75 participants who joined this program has been selected as respondents. The results showed a high level of awareness on investment, followed by the understanding of investment, knowledge of investment and the level of accessibility of information*

*related to investments. However, the participants' attitude toward investment is found at a moderate level. Results of the analysis showed that the 360-days Seminar Program indicates the potential of helping the participants in the investment decision-making. The CSR programs that emphasize on education and investment is likely to attract participants to engage in investment activity as well serves as a catalyst for the realization of increased investment among society in Malaysia.*

**Keywords:** Responsibility Social Corporate, Education, Investment Knowledge, Understanding, Awareness, Attitude towards Investment

## 1. Pengenalan

Dalam usaha menuju negara maju, pendidikan dan pelaburan merupakan salah satu isu penting yang telah mendapat perhatian pihak kerajaan dan swasta. Amalan menabung dapat membantu perkembangan ekonomi Negara ini termasuklah dapat meningkatkan kadar tabungan Negara (Rosman, Rooswadi & Wan, 1998). Menurut Fellow, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Mazilan Musa, kesedaran pelaburan di kalangan masyarakat Malaysia telah mula wujud tetapi tahapnya masih rendah (Utusan Online, 2001). Oleh itu, bagi memupuk kesedaran pelaburan, pelbagai pihak perlu terlibat termasuk juga pihak syarikat korporat melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan memberi perhatian kepada program pendidikan yang menyumbang kepada peningkatan ilmu pengetahuan.

*Corporate Social Responsibility* (CSR) atau Tanggungjawab Sosial Korporat adalah komitmen institusi perniagaan dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi mampan, berusaha bersama-sama para pekerja, keluarga, komuniti tempatan serta masyarakat secara umum bagi meningkatkan kualiti kehidupan mereka (World Business Council for Social Development (WBCSD), 2000). CSR tidak hanya terbatas kepada konsep pemberian bantuan sahaja, tetapi konsep tanggungjawab yang lebih luas. Malahan terdapat pendapat oleh Vives (2004) bahawa CSR merupakan usaha pembangunan yang dilaksanakan oleh sektor swasta secara tidak langsung bagi membantu melengkapkan usaha oleh kerajaan dan institusi pembangunan multilateral terhadap komuniti (dlm Sarmila et al. 2014). Sehubungan itu kajian yang meneliti sejauh mana program CSR yang dilaksanakan oleh syarikat korporat dapat membantu dalam menangani isu kesedaran pelaburan di kalangan masyarakat perlu dilaksanakan.

## 2. Tinjauan Literatur

Kajian oleh So-hyun Joo dan Grable (2004) menyifatkan pendidikan pengguna dan praktis kewangan boleh membantu pengguna meningkatkan kepuasan kewangan mereka dengan merubah tingkahlaku kewangan. Keputusan kajian oleh Kanmai dan Husniyah (2012) memberi implikasi terhadap beberapa pihak, termasuk pengguna dan persatuan-persatuan pengguna. Kajian ini mendapatkan bahawa pelajar mempunyai asas pengetahuan pelaburan dengan menghadiri kursus pelaburan. Oleh itu, kajian mencadangkan agar pihak kerajaan dan pihak-pihak berkaitan harus memberi pendidikan pelaburan yang efektif dan berkesan bagi meningkatkan kemahiran pelaburan serta membekalkan maklumat yang benar tentang aktiviti pelaburan bagi kepentingan pelajar dan pengguna secara umumnya.

Kajian oleh The Institute of Certified Financial Planner (ICFP) (1993) berkaitan perkara ini juga mendapatkan salah satu faktor penduduk Amerika gagal menguruskan

kewangan peribadi mereka adalah kerana kurangnya pengetahuan pelaburan. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Kanmai dan Husniyah (2012), terhadap pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan yang mendapat bahawa belia pelajar dijangka akan kurang terlibat dalam pelaburan. Mereka juga mempunyai tahap pengetahuan yang rendah, bersikap negatif terhadap pelaburan dan tidak cenderung untuk melabur di masa hadapan. Kajian oleh Haiyang Chen dan Ronald P. Volpe (1998) terhadap 924 pelajar kolej juga mendapat pelajar tidak mempunyai pengetahuan tentang kewangan peribadi dan ketidakcekapan ini akan menghadkan keupayaan mereka untuk membuat keputusan kewangan.

Menurut Jodi dan Phyllis (1998), kurangnya pengetahuan mengenai aspek kewangan peribadi dan amalan pengurusan kewangan yang tidak bijak dan berhemah akan menyumbang kepada pengurusan kewangan yang lemah. Amalan pengurusan kewangan merangkumi aspek hutang, pelaburan, insurans, persaraan dan perancangan estet. Menurut Dowling, Corney dan Hoiles (2009), berdasarkan kajian dalam kalangan pekerja muda di Australia, dinyatakan bahawa tahap masalah kewangan yang dihadapi oleh individu boleh ditentukan dengan amalan pengurusan kewangan individu tersebut. Menurut Zaimah (2010), di Malaysia pula, turut menunjukkan bahawa amalan pengurusan kewangan mempunyai perkaitan positif yang signifikan dengan kesejahteraan kewangan.

Tokoh-tokoh seperti Hogarth, Beverly dan Hilgert (2003) menyimpulkan bahawa pengetahuan kewangan adalah penting di mana golongan isi rumah yang kerap terlibat dalam aktiviti-aktiviti pelaburan seperti seminar pelaburan yang bijak dan lawatan ke bahagian operasi bank pelaburan yang dianjurkan oleh pakar adalah mereka yang mahir dan mempunyai pengetahuan kewangan yang mendalam. Golongan ini didapati mempunyai indeks pengurusan pelaburan yang tinggi. Seiring dengan itu, pengetahuan pelaburan menunjukkan perkaitan yang penting dalam kualiti pembuatan keputusan pelaburan.

Kajian oleh Adnan (1992) terhadap 158 orang petani di kawasan Projek Pembangunan Pertanian Pertanian Bersepadu Barat Laut Selangor mendapat tahap kesungguhan komuniti petani dalam menabung sangat dipengaruhi tahap kefahaman mereka terhadap pelaburan. Tahap kefahaman pula mempunyai hubungan dengan tahap pengetahuan petani. Kajian ini mencadangkan kesedaran dan kesungguhan petani dalam membuat pelaburan dapat meningkat apabila terdapat program berkaitan komuniti.

Di Malaysia, tiada kajian-kajian yang meneliti tentang isu pelaburan dalam konteks CSR. Namun begitu, kajian oleh Zaimah (2010) telah melihat status pelaburan di Malaysia. Kajian yang bertajuk Ketersampaian Masyarakat Tani kepada Pelaburan Saham Amanah mendapat bahawa kebanyakkan petani ini mempunyai pengetahuan umum mengenai saham amanah, tetapi ketersampaian maklumat dan penglibatan mereka secara langsung dalam pelaburan tersebut agak terbatas. Terdapat dua faktor utama yang menghalang mereka daripada terlibat dalam saham amanah iaitu salah satunya kurang pendedahan terhadap pelaburan saham amanah itu sendiri. Oleh itu, pendedahan perlu diberikan dengan lebih meluas serta mengadakan promosi secara berterusan bagi menanam dan meningkatkan minat masyarakat ke arah melabur atau menabung dalam industri saham amanah.

Tambahan lagi, menurut kajian oleh Braunstein dan Welch (2002), pada tahun ke tahun kebelakangan ini, ilmu kewangan mendapat perhatian di kalangan syarikat perbankan, agensi kerajaan, pengurus dan kumpulan masyarakat berkepentingan dan juga lain-lain organisasi. Kumpulan-kumpulan berkepentingan ini berpendapat bahawa pengguna yang kekurangan maklumat mengenai konsep kewangan akan memberi kesan kepada pengurusan kewangan mereka sehari-hari dan juga pada masa mendatang. Pengetahuan atau literatur kewangan akan memandu seseorang dalam membuat keputusan mengenai hal pembelian rumah, memperolehi pendidikan tinggi atau rancangan selepas bersara nanti.

Sehubungan untuk meningkatkan kecenderungan menabung di kalangan pelajar sekolah pula, kajian Wan Mohd Zahid (1996) menjelaskan pihak kementerian kini telah menubuhkan satu jawatankuasa khas di peringkat kementerian dan di setiap jabatan Pendidikan Negeri. Pembentukan jawatankuasa ini penting bagi membentuk aspek jaya diri untuk pelajar-pelajar sekolah, seperti menanam tabiat menabung di kalangan mereka. Meskipun minat menabung di kalangan pelajar telah disemai sejak kecil oleh ibu bapa namun kecenderungan mereka terhadap aktiviti tersebut masih lagi berada di bawah tahap yang membanggakan. Di samping itu peranan institusi kewangan bagi memperkembangkan budaya menabung di kalangan pelajar sekolah umpamanya melalui insentif-insentif yang disediakan secara tidak langsung boleh menarik minat mereka untuk menabung dan melatih mereka untuk memahami pengurusan kewangan yang betul.

Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa usaha perlu dilaksanakan oleh pihak-pihak tertentu bagi membangunkan budaya melabur sebagaimana yang dinyatakan oleh kajian Rosman et al (1998) yang mendapati bahawa bagi memastikan keberkesanan Kempen Galakan Menabung di Peringkat Nasional, usaha untuk menanam kesedaran menabung dengan memberi tumpuan kepada kumpulan sasaran seperti pelajar sekolah, wanita dan pekerja awam swasta. Hasil kajian turut membincangkan dua strategi utama yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan kecenderungan menabung di kalangan golongan sasaran salah satunya adalah penyebaran maklumat yang menyeluruh dan lengkap serta memudahkan orang ramai mengetahui kepentingan menabung.

Kajian terbaru di Indonesia oleh Ma“ruf (2013) terhadap minat menabung di Baitul Maalwat Tamwil (BMT) Bahtera Pekalongan mendapati pengaruh daripada perusahaan di Indonesia dalam meberi galakan kepada pihak melalui inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat atau *Corporate Social Responsibility* (CSR) akan mempengaruhi minat komuniti dalam menabung. Namun begitu, kajian ini mendapati inisiatif ini masih rendah di kalangan penduduk negara tersebut.

Tiada lagi kajian yang meninjau keberkesanan program atau kursus Tanggungjawab Sosial Korporat dalam proses mengambil keputusan pelaburan. Kajian awal oleh Ngam (1983) menyatakan para pelabur memerlukan pengetahuan kewangan yang kukuh untuk proses membuat keputusan sesuatu kaunter saham. Tugas remister/broker dalam pelaburan saham bukan hanya setakat transaksi jual-beli saham untuk pelabur sahaja, malah mereka diharapkan dapat membantu pelabur dalam penganalisisan dan membuat keputusan. Oleh itu, peranan pihak Tanggungjawab Sosial Korporat dalam syarikat diperlukan bagi membantu masyarakat dalam membuat keputusan dalam pelaburan.

### **3. Metodologi**

#### **3.1 Kajian Kes**

Kajian ini telah memilih program CSR oleh Permodalan Nasional Berhad, Kuala Lumpur. PNB sebagai kajian kes. Kajian ini telah melibatkan semua peserta Program 360 Hari 1Malaysia anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada 22 April 2016 di Tapah, Perak. Usaha-usaha pendidikan pelaburan adalah merupakan objektif kepada program ini. Penyertaan program adalah disasarkan kepada orang ramai dari semua lapisan masyarakat dari sekolah menengah dan pelajar universiti sehingga golongan profesional dan orang awam.

### 3.2 Pengumpulan Data

Kajian ini memilih strategi penyelidikan kuantitatif dengan menggunakan kaedah survey bagi mencapai objektif kajian. Borang soalaselidik telah dijadikan sebagai instrument pengumpulan data kajian. Borang soal selidik yang diedarkan kepada peserta mengandungi 7 bahagian iaitu bahagian A, B, C, D, E, F dan G. Set-set soal selidik yang dikumpul daripada responden disusun dan dipersembahkan dalam bentuk data jadual dan rajah dengan program SPSS (Statistical Package For The Social Science). Penganalisaan data melibatkan penggunaan analisis deskriptif dengan menggunakan kekerapan dan peratusan bagi melihat aspek-aspek yang berkaitan dengan tujuan kajian. Nilai kekerapan biasanya ditunjukkan dalam bentuk carta pai, histogram, jadual, carta dan gambar rajah. Hasil kajian ini diteliti melalui rajah, carta dan jadual. Analisis deskriptif juga digunakan untuk mengetahui tahap pengetahuan, kefahaman, kesedaran, ketersampaian maklumat dan sikap pelaburan peserta program 360 hari.

Jadual 1.0 menunjukkan pengelasan tahap elemen sumbangan program tanggungjawab sosial korporat. Tahap pelaburan dibahagikan kepada tiga tahap iaitu rendah (1.00 hingga 2.33), sederhana (2.34 hingga 3.67) dan tinggi (3.68 hingga 5.00).

JADUAL 1.0: Pengelasan tahap elemen sumbangan pelaburan

Tahap	Nilai Kekerapan
Rendah	1.00 – 2.33
Sederhana	2.34 – 3.67
Tinggi	3.68 – 5.00

## 4. Hasil Kajian

Seramai kesemua 75 orang peserta bagi Program 360 Hari 1Malaysia anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada 22 April 2016 di Tapah, Perak telah dipilih sebagai responden kajian. Analisa bagi latarbelakang responden adalah seperti jadual 2.

### 4.1 Latarbelakang Pserta Program

JADUAL 2.: Latar Belakang Responden

Latar Belakang Responden	Kekerapan	Peratus
<b>Jantina</b>		
Lelaki	29	38.7
Perempuan	46	61.3
<b>Umur</b>		
20 tahun ke bawah	1	1.3
21-30 tahun	36	48.0
31-40 tahun	17	22.7
41-50 tahun	10	13.3
51-60 tahun	10	13.3
61 dan ke atas	1	1.3
<b>Bangsa</b>		
Melayu	62	82.7
Cina	6	8.0
India	7	9.3

<b>Taraf Pendidikan</b>			
PMR/SRP	2	2.7	
PMR/MCE	8	10.7	
STPM/Sijil	5	6.7	
Diploma	14	18.7	
Ijazah	41	54.7	
Sarjana	5	6.7	
<b>Pekerjaan</b>			
Pelajar	30	40.0	
Swasta	15	20.0	
Kerajaan	30	40.0	
<b>Pendapatan Bersih Bulanan</b>			
Tiada	25	33.3	
RM500 dan ke bawah	3	4.0	
RM501-RM1000	5	6.7	
RM1001-RM2000	16	21.3	
RM2001-RM3000	12	16.0	
RM3000 dan ke atas	14	18.7	

Majoriti responden mempunyai taraf pendidikan Ijazah (54.7%), diikuti dengan Diploma (18.7%), seterusnya SPM/MCE (10.7%), lulusan STPM dan Sarjana adalah 6.7% manakala PMR/SRP (2.7%) adalah paling sedikit. Didapati juga paling ramai responden adalah golongan pelajar dan kakitangan kerajaan (40%) dan diikuti dengan pekerja kakitangan swasta (20%).

Dari segi pendapatan, hasil kajian mendapati sebanyak 33.3 peratus responden tidak mempunyai pendapatan bulanan, manakala yang paling rendah (4.0%) adalah pendapatan di bawah RM500. Selanjutnya diikuti dengan pendapatan di antara RM1001 hingga RM2000 (21.3%), pendapatan RM3001 dan ke atas adalah 18.7 peratus, manakala pendapatan di antara RM2001 hingga RM3000 adalah 16.0 peratus dan diikuti dengan pendapatan RM501 hingga RM1000 (6.7%).

#### 4.2 Elemen Sumbangan Program

Jadual 3 menunjukkan purata skor min bagi elemen sumbangan program CSR. Hasil analisis merujuk kepada tahap sumbangan program seminar 360 hari anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada Minggu Saham Amanah yang telah diadakan di Tapah, Perak. Terdapat lima elemen sumbangan iaitu Pengetahuan, Kefahaman, Kesedaran, Ketersampaian Maklumat dan Sikap terhadap pelaburan yang diuji selepas mereka menghadiri program seminar pelaburan. Hasil purata min menunjukkan tahap sumbangan program bagi setiap item tersebut.

**JADUAL 3: Purata Skor Min bagi Elemen Sumbangan Program CSR**

<b>Elemen Sumbangan Program CSR</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Tahap</b>
Kesedaran Pelaburan	4.1467	Tinggi
Kefahaman Pelaburan	3.8547	Tinggi
Pengetahuan Pelaburan	3.8093	Tinggi
Ketersampaian Maklumat Pelaburan	3.7973	Tinggi
Sikap Pelaburan	3.1918	Sederhana

Berdasarkan hasil di Jadual 2.0 mendapati tahap kesedaran peserta berkaitan pelaburan di saham amanah adalah tertinggi di antara tahap sumbangan yang lain iaitu pada kadar min 4.14. Seterusnya, tahap pengetahuan peserta berkaitan pengurusan kewangan yang

baik melalui pelaburan adalah juga pada tahap tinggi iaitu pada kadar min 3.80. Diikuti dengan tahap kefahaman peserta berkaitan pelaburan juga pada tahap tinggi iaitu 3.85 dan akhir sekali adalah tahap ketersampaian maklumat berkaitan pelaburan menunjukkan pada kadar min tinggi iaitu 3.79. Sementara itu, kadar min sikap pelaburan adalah pada tahap sederhana rendah iaitu min 3.1918.

Menurut kajian oleh Kanmai dan Husniyah (2013), pengetahuan pelaburan menunjukkan perkaitan yang penting dalam kualiti pembuatan keputusan pelaburan. Hal ini kerana, menurut kajian awal oleh Hogarth, Beverly dan Hilgert (2003), golongan isi rumah yang kerap terlibat dalam aktiviti-aktiviti pelaburan seperti seminar pelaburan bijak adalah mereka yang mahir dan mempunyai pengetahuan kewangan yang mendalam. Dengan itu menunjukkan hasil analisis mendapati melalui penglibatan peserta program pelaburan yang berinisiatifkan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) tahap kesedaran adalah paling tinggi, diikuti tahap kefahaman juga tinggi, seterusnya tahap pengetahuan pelaburan tinggi dan tahap ketersampaian maklumat adalah tinggi.

Akhir sekali tahap sikap pelaburan adalah pada tahap sederhana. Sikap terhadap pelaburan berada pada tahap rendah kerana mereka hanya cenderung untuk melabur disebabkan minat yang mendalam. Justeru dapat disimpulkan bahawa peserta telah menerima pendedahan yang baik melalui program yang berinisiatifkan pendidikan pelaburan dan perancangan kewangan. Menurut Zaimah (2010) pendedahan perlu diberikan dengan lebih meluas serta mengadakan promosi secara berterusan bagi menanam dan meningkatkan minat masyarakat ke arah melabur atau menabung dalam industri saham amanah.

Secara keseluruhannya menunjukkan program berinisiatifkan Tanggungjawab Sosial Korporat telah memberi sumbangan kepada kesedaran peserta tentang perancangan kewangan yang baik menerusi pelaburan di saham amanah. Hasil ini selari dengan objektif sebenar Seminar 360 Hari 1Malaysia iaitu meningkatkan kesedaran tentang kepentingan perancangan kewangan di samping memperkenalkan unit amanah ASNB sebagai instrumen pelaburan yang ada. Usaha Permodalan Nasional Berhad (PNB) untuk menukar persepsi masyarakat serta sikap pentingnya perancangan kewangan dan pelaburan berada pada tahap sederhana. Hal ini demikian minat peserta adalah faktor utama dalam mempengaruhi mereka untuk terus melabur di saham amanah. Hasil kajian tidak dapat dibandingkan dengan kajian lepas kerana masih tiada kajian yang melihat sumbangan tanggungjawab sosial korporat atau CSR dalam bidang pendidikan dan pelaburan kepada semua segmen golongan masyarakat.

#### 4.3 Keberkesanan Program

Jadual 4 menunjukkan peratusan keberkesanan program seminar 360 hari yang diukur melalui sepuluh item pernyataan. Soalan item G9 dan G7 adalah merupakan pernyataan yang mempunyai peratus tertinggi. Kesemua peserta (100%) mengakui bahawa program ini telah berjaya memberi dorongan kepada mereka untuk membuat keputusan pelaburan. Malahan hasil analisa mendapati juga program seminar 360 hari telah memberi kesan memupuk inisiatif mereka untuk melabur di saham amanah.

JADUAL 4: Peratusan Keberkesanan Program Seminar 360Hari

	Penyataan	Ya Peratus	Tidak Peratus
G1.	Adakah anda faham konsep pelaburan bijak?	96.0	4.0
G2.	Adakah program ini memberi penjelasan yang jelas berkaitan perancangan kewangan dan pelaburan?	98.7	1.3

<b>G3.</b>	Adakah program ini meningkatkan pengetahuan pelaburan anda berkaitan pelaburan?	98.7	1.3
<b>G4.</b>	Adakah anda akan terus melabur dan membuat simpanan dalam akaun pelaburan saham amanah?	93.3	6.7
<b>G5.</b>	Adakah program ini menyampaikan maklumat pelaburan mengikut kesesuaian anda?	98.7	1.3
<b>G6</b>	Adakah program ini mampu menerapkan sikap pelaburan dalam diri anda?	96.0	4.0
<b>G7.</b>	Adakah program ini berkesan memupuk inisiatif anda untuk melabur di saham amanah?	100.0	0
<b>G8.</b>	Adakah program ini mempengaruhi anda membuka akaun pelaburan saham amanah?	97.3	2.7
<b>G9.</b>	Adakah program ini berjaya memberi dorongan kepada anda membuat keputusan pelaburan?	100.0	0
<b>G10.</b>	Adakah program ini membantu meningkatkan minat anda dalam pelaburan?	98.7	1.3

\*semua pernyataan adalah positif

Seterusnya, sebanyak 98.7 peratus peserta mengakui juga bahawa program ini memberi penjelasan yang jelas berkaitan perancangan kewangan dan pelaburan. Diikuti dengan program juga telah meningkatkan pengetahuan pelaburan peserta malahan menyampai maklumat pelaburan bersesuaian dengan mereka. Dapatkan ini secara umumnya menunjukkan bahawa program telah berjaya memberi kefahaman, pengetahuan dan ketersampaian maklumat dengan jelas berkaitan aspek pelaburan dan perancangan kewangan. Tambahan lagi, pada peratusan yang sama (98.7%) menunjukkan program berjaya mengubah minat mereka dalam pelaburan. Walaupun tahap sikap pelaburan adalah sederhana, program ini juga telah memberi impak kepada minat mereka dalam aspek pelaburan.

Selanjutnya, sebanyak 97.3 peratus peserta mengakui bahawa program ini telah mempengaruhi mereka membuka akaun pelaburan saham amanah. Dengan dorongan dan inisiatif yang disediakan oleh pihak program, menjadi salah satu faktor mereka membuat keputusan untuk membuka akaun pelaburan. Malahan dapatan kajian juga mendapati program telah menyumbang kepada pengetahuan, kesedaran, kefahaman dan ketersampaian maklumat yang tinggi secara tidak langsung mempengaruhi pembuat keputusan pelaburan. Kajian oleh Rubayah, Hawati dan Nur Ain (2015) salah satu faktor penting yang dikenalpasti mampu mempengaruhi pembuatan keputusan kewangan seseorang individu ialah pengetahuan atau literasi kewangan atau celik wang. Dalam pengetahuan kewangan akan melibatkan pembuat keputusan pelaburan (Van Rooij, Lusardi & Alessie, 2011).

Sebanyak 96.0 peratus peserta mengakui bahawa program ini telah memberi kefahaman kepada mereka berkaitan pelaburan bijak dan menerapkan sikap pelaburan dalam diri mereka. Para peserta didedahkan kepada aspek pengurusan kewangan yang betul seperti nilai kedudukan kewangan, menyediakan pelan kewangan sendiri, memahami risiko pelaburan, pemikiran rasional dan sebagainya sebelum mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan pelaburan bijak. Pelaburan bijak yang ditekankan dalam program adalah pengetahuan berkaitan ‘jangan dan mesti dilakukan’ dalam pelaburan. Hal ini kerana mengelak pengguna daripada membuat pelaburan dalam sesuatu yang mereka tidak fahami seterusnya ditipu. Oleh itu pentingnya khidmat nasihat pakar dan agen-agen pelaburan yang diiktiraf bagi menyampaikan maklumat yang betul dalam pelaburan.

Sebanyak 93.3 peratus peserta mengakui program ini memberi galakan kepada mereka untuk terus melabur dan membuat simpanan dalam akaun pelaburan saham amanah. Dengan ini menunjukkan bahawa sekali lagi program telah berjaya memberi galakan dalam mempengaruhi keputusan pelaburan mereka. Majoriti peserta juga memilih untuk melabur di

saham amanah dan kajian pada awalnya mendapati hanya 56.0 peratus yang melabur di saham amanah. Secara keseluruhannya, program 360 Hari 1Malaysia telah berkesan dalam memberi dorongan, inisiatif dan peluang kepada peserta untuk melabur di saham amanah. Oleh itu, pelaksanaan pelbagai program pendidikan sebagai sumbangan CSR dan disasarkan kepada orang ramai dari semua lapisan masyarakat adalah satu tanggungjawab syarikat Permodalan Nasional Berhad (PNB) untuk menyumbang kepentingan perancangan kewangan dan pelaburan di samping memperkenalkan unit amanah ASNB sebagai instrumen pelaburan sekali lagi telah berjaya.

## 5. Rumusan Dan Cadangan

Secara keseluruhan, hasil program CSR terhadap pendidikan pelaburan yang dijalankan ini mempunyai potensi untuk membantu peserta yang terlibat membuat keputusan terhadap pelaburan melalui elemen pengetahuan, kefahaman, kesedaran dan ketersampaian maklumat tentang pelaburan. Hal ini demikian keempat-empat elemen sumbangan ini berada pada tahap tinggi. Namun begitu, bagi mengubah sikap terhadap pelaburan, usaha yang lebih perlu dilaksanakan bagi memupul sikap yang positif terhadap pelaburan dikalangan masyarakat. Namun begitu, usaha pendidikan ini mempunyai potensi untuk menyumbang terhadap kesedaran tentang kepentingan pelaburan melalui penyampaian maklumat pelaburan yang jelas. Justeru itu program seminar 360 hari yang di adakan di Tapah, Perak berupaya menyumbang dalam memberi pengetahuan, kesedaran, kefahaman dan ketersampaian maklumat pelaburan dengan baik bagi membantu masyarakat membuat keputusan berkaitan pelaburan.

## Rujukan

- Adnan, MI. (1992). Kesungguhan Petani Projek Barat Laut Selangor Terhadap Pelaburan Dalam ASN/ASB. *Tesis Ijazah Master Sains*. Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan. Universiti Pertanian Malaysia.
- Braunstein, S. & Welch, C. (2002). Financial literacy: an overview of practice, research & policy. *Federal Reserve Bulletin*, Nov :445-457.  
<http://www.federalreserve.gov/pubs/bulletin/2002/1102lead.pdf> [4 April 2016]
- Chen, H. & Volpe, RP. (2002). Gender differences in Personal financial Literacy Among College Student, *Financial Service Review* 11:289-307.
- Chen, H. & Volpe R.P. (1998). An analysis of personal financial literacy among college students. *Financial Services Review* 7(2):107-128.
- Dea Cendani Naraduhita & Tjiptohadi Sawarjuwono. (2012). Corporate Social Responsibility: Upaya Memahami Alasan Dibalik Pengungkapan CSR Bidang Pendidikan. *Jurnal Akuntansi & Auditing*. Universitas Airiangga 8(2): 95-189.
- Dwi Triyanto. (2013). Pelaksanaan Corporate Social Responsibility (CSR) Di Bidang Pendidikan Pt. Hino Motors Sales Indonesia (Pt. Hmsi). *Thesis Sarjana Pendidikan Teknik*. Universitas Negeri Yogyakarta.
- Dita Pertiwi & Haroni Doli H. Ritonga. (2012). Analisis Minat Menabung Masyarakat pada Bank Muamalat di Kota Kisaran. *Jurnal Ekonomi dan Kewangan* 1(1):61-69.
- Dowling, N.A, Corney, T, & Hoiles, L. (2009). Financial management practices and money attitudes as determinants of financial problems and dissatisfactionin young

male Australian workers. *Journal of Financial Counseling and Planning* 20(2): 5-13.

Husniyah, A. R. & M. Fazilah. A. S. (2009). The impact of financial management practices on financial well-being of families in Malaysia. *Malaysian Journal of Consumer*, 12: 27-41.

Hogarth, JM. Beverly, SG. & Hilgert, MA. (2003). Patterns of Financial Behaviors: Implications for Community Educators and Policymakers. *Federal Reserve System Community Affairs Research Conference*. February:1-29. [http://www.federalreserve.gov/communityaffairs/national/CA\\_Conf\\_SusCommDev/pdf/hogarthjeanne.pdf](http://www.federalreserve.gov/communityaffairs/national/CA_Conf_SusCommDev/pdf/hogarthjeanne.pdf) [3 Mac 2016]

Jariah Masud. (1987). *Pengurusan kewangan keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jariah, Azizan & Laily. 2010. Financial Well-being of Older Peninsular Malaysians: A Gender Comparison. *Asian Social Science* (6):3.

Jodi, L.P. & Phyliss, J. J. 1998. The impact of financial attitudes and knowledge on financial management and satisfaction of recently married individuals. *Financial Counseling and Planning* 9(2): 59-75.

Kanmani A/P Subramaniam, Mohamad Fazli Sabri & Husniyah Abd. Rahim. 2012. Jangkaan Pelaburan bagi Belia Institusi Pengajian Tinggi. *Malaysian Journal of Youth Studies* 7: 105-124.

Kanmai A/P Subramaniam & Husniyah Abd Rahim. 2013. Pengetahuan dan Jangkaan Pelaburan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi. Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Pengguna Malaysia* 20:24-36.

Kotler, P. & Lee, N. 2006. Corporate Social Responsibility: Doing the most good for your company and your cause. Hoboken, New Jersey: dlm Stephen Dunne. 2007. *Review Essays Ephemera*, 7(2): 372-380 <http://www.ephemerajournal.org/sites/default/files/7-2dunne.pdf> [25 Mac 2016]

Lusardi, A. & Mitchell, O.S. 2011. Financial literacy and retirement planning in the United States. *NBER Working Paper* No. 17108, June 2011. <http://www.nber.org/papers/w17108.pdf> [4 Februari 2016]

Lusardi A. and Tufano P. 2009. Debt Literacy, Financial Experiences and Overindebtness NBER Working Paper, March 2009. <http://www.nber.org/papers/w14808.pdf> [4 Februari 2016]

Laporan Tahunan Amanah Saham Nasional. 2011. *Amanah Saham Nasional Berhad*. web:<http://www.asnb.com.my/ASB%20n%20ASN.pdf> [1 Mac 2016]

Ma'ruf. 2013. Pengaruh Corporate Social Responsibility (CSR) Terhadap Minat Menabung Di BMT Bahtera Pekalongan. *Undergraduate Research Report*. Fakulti Syariah dan Ekonomi Islam Institusi Agama Islam Negeri Walisongo Semarang.

Min-dong Paul Lee. 2008. Theory of Corporate Social Responsibility: Its Evolutionary and The Road Ahead. *International Journal of Management Reviews*: 1-37.

Mohamad Fazli, S. Jariah, M. Karen, K.H. & Laily, P. 2008. Personal financial wellness among Malaysian employees: Socio demographic comparison. *Consumer Interests Annual* 54: 189-192.

Nik Nazli Nik Ahmad, Maliah Sulaiman & Dodik Siswantoro. 2003. Corporate Social Responsibility Disclosure in Malaysia: An Analysis of Annual Reports of KLSE Listed Companies, IIUM . *Journal of Economics and Management* 11(1): 1-37.

Ngam, Su May. 1983. Shares: So you want to trade?. Malaysian Business: dlm Osman Md Zain. 1987. *Jurnal Pengurusan* 6(7): 21-34

- Norajilah Che Man. 2011. Tanggungjawab Sosial Korporat: Analisis Perbandingan di Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Affin Bank Berhad. *Thesis Ijazah Sarjana Syariah*. Jabatan Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya.
- Norajila & Joni Tamkin. 2010. Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat: Implikasi dan Keberkesanan Kepada Masyarakat. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke V (PERKEM V), Inovasi dan Pertumbuhan Ekonomi. Port Dickson, Negeri Sembilan, 15-17 Oktober.
- Norul-Ainin. 2005. Faktor-faktor utama yang mempengaruhi dalam membuat keputusan peruntukan pelaburan harta tanah dari perspektif pelabur: kajian kes syarikat harta tanah di Malaysia. *Projek Ijazah Sarjana Sains (Harta Tanah)*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Osman Md Zain. 1988. Pola mengambil keputusan dan penganalisaan dalam membeli saham: kajian ke atas para pelanggan bursa saham kuala lumpur. *Jurnal Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia* 6(7): 21-34.
- Rosman Abdullah, Rooswadi Wan Mohd Nori & Wan Mohd Nazif. 1998. Ciri-ciri kecenderungan menabung di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah: satu kajian deskriptif di negeri kelantan. *Research Reports*. Institute of Research, Development and Commercialization, Universiti Teknologi MARA.
- Rubayah, Y. Hawati, J. & Ain, NK. 2015. Tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti awam: kajian di universiti kebangsaan malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* 18(1): 98-117.
- Sarmila M.S, Zaimah R, Salfarina & Reevany. 2012. Pembangunan Ekonomi Komuniti Melalui Projek Csr “Spicing Up Community”. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII)* Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju Ipoh, Perak, 4–6 Jun.
- Sarmila M.S, Zaimah R, Azima A.M, Suhana, Novel, Rosniza & Sevapalan Selvadurai. 2014. Sumbangan Inisiatif Tanggungjawab Sosial Terhadap Pembangunan Modal Sosial Komuniti: Kajian Kes Penglibatan Komuniti dalam Projek CSR Perladangan Cili Kontrak di Pasir Puteh Kelantan. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9)* “Urus Tadbir Ekonomi yang Adil : Ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi” Kuala Terengganu, Terengganu, 17–19 Oktober.
- Sarmila M.S, Salfarina & Reevany. 2012. Usaha Tanggung Jawab Sosial Korporat (CSR) dalam meningkatkan keupayaan komuniti: Kajian kes peladangan cili di Bukit Awang, Pasir Puteh, Kelantan. *Malaysia Journal of Society and Space* 8(5):1–13.
- Seminar 360 Hari. 2013. Mengenai Seminar 360 Hari 1Malaysia. <http://seminar360.asnb.com.my/about.php> [10 Disember 2015]
- So-hyun Joo & Grable, J.E. 2004. An exploratory framework of the determinants of financial satisfaction. *Journal of Family and Issues* 25(1):25-50.
- Suraiya & Ahmad Raflis. 2011. Paragdima baru dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial syarikat milik kerajaan. *Jurnal Akademika* 81(3): 75-81.
- The Institute of Certified Financial Planners (ICFP). 1993. Financial illiteracy: Plagues Americans. Survey Report. Denver, CO. dlm Chen, H & Volpe, RP. 1998. An Anaylysis of Personal Financial Literacy Among College Students. *Financial Services Review* 7(2): 107-128.
- Utusan Online. 1998. Kempen Menabung Sasar 1.5 Juta Pelabur. [12 Oktober 2015]
- Van Rooij, M. Lusardi, A. & Alessie, R. 2011. Financial literacy and stock market participation. *Journal of Financial Economics* 101: 449-472.

- Volpe, R. P., Chen, H., & Pavlicko, J. J. 1996. Personal investment literacy among college students: A survey. *Financial Practice and Education* 6(2): 86-94.
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin. 1996. Perjuangan Yang Perlu Diteruskan : Azam dan Iltizam. Ucap Utama Persidangan Pendidikan Nasional Ketiga Institut Aminuddin Baki: 5-9 Ogos 1996.
- Zaimah, R. 2010. Ketersampaian masyarakat tani kepada pelaburan saham amanah. *e-Bangi Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan in Journal of Malaysia Studies* 5(1): 142-152.
- Zaimah, R. 2010. Pengaruh pengetahuan, tingkah laku dan pembuatan keputusan kewangan ke atas kesejahteraan kewangan pekerja sektor awam yang berkahwin. *Tesis Doktor Falsafah*, Universiti Putra Malaysia.
- Zaimah, R. Sarmila, MS. Azima, MS. Suhana Saad, Lyndon, N. Mohd Yusof Hussain & S Selvadurai. 2012. Tingkah laku kewangan guru di bandar baru bangi selangor malaysia. *Journal of Society and Space* 8(6): 42-4